

PENTADBIRAN HARTA PUSAKA



Diterbitkan oleh
JABATAN BANTUAN GUAMAN

1

Apakah yang dimaksudkan dengan harta pusaka?

Harta pusaka ialah harta peninggalan si mati yang mengandungi harta alih dan harta tak alih. Harta seperti wang tunai, syer, caruman KWSP, wang imbuhan insurans, kenderaan, perabot rumah, pakaian dan sebagainya dipanggil harta alih. Harta seperti tanah serta kepentingan atas tanah tersebut, rumah, lombong, sawah, telaga dan tasik adalah disebut sebagai harta tak alih. Penerangan ringkas seperti dalam Lampiran "A".

2

Apakah yang dimaksudkan dengan "harta pusaka kecil"?

Harta peninggalan si mati tanpa wasiat yang bernilai RM 2,000,000.00 ke bawah. Harta yang berikut adalah dianggap sebagai harta pusaka kecil:

- (a) tanah sahaja;
- (b) tanah dengan rumah;
- (c) tanah, rumah dan harta alih seperti barang kemas, syer, caruman KWSP, simpanan wang, kenderaan bermotor, perabot, pakaian, dsb.; dan
- (d) tanah dan apa-apa jumlah tuntutan di bawah seksyen 7 dan 8 Akta Undang-Undang Sivil 1956 [Akta 67].

Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk risalah panduan permohonan tuntutan pembahagian harta pusaka kecil di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98].

3

Apakah yang dimaksudkan dengan “harta pusaka biasa”?

Harta pusaka biasa bermaksud semua jenis harta peninggalan si mati dengan wasiat atau tanpa wasiat, atau sebahagiannya tanpa wasiat seperti -

- (a) harta alih dan harta tak alih yang bernilai RM 2,000,000.00 ke atas kesemuanya;
- (b) harta tak alih (tanah) yang bernilai lebih daripada RM 2,000,000.00; dan
- (c) harta alih sahaja seperti wang, syer, kenderaan walaupun nilai kesemuanya kurang daripada RM 2,000,000.00.

4

Apakah yang dimaksudkan dengan harta pusaka berwasiat dan/atau tidak berwasiat (*testate and intestate estate*)?

Jika si mati meninggalkan harta dengan surat wasiat terakhir yang sah yang mengandungi cara-cara bagaimana harta pusakanya hendaklah dibahagikan antara waris-warisnya, harta pusaka itu dipanggil harta pusaka berwasiat.

Bagi orang yang bukan beragama Islam, wasiat itu adalah sah selama ia tidak mengandungi syarat-syarat yang bercanggah dengan Akta/Ordinan Wasiat dan kesahan wasiatnya tidak dicabar oleh mana-mana waris.

Bagi orang yang beragama Islam, si mati hanya boleh mewasiatkan tidak lebih daripada 1/3 daripada harta pusakanya kepada pihak-pihak lain selain waris (dengan persetujuan atau tanpa persetujuan waris).

Orang yang meninggalkan harta tanpa wasiat dipanggil harta pusaka tak berwasiat.

5

Apakah yang dimaksudkan dengan “probet”?

Probet ialah tindakan untuk memperakukan dan mengesahkan sesuatu wasiat yang ditinggalkan oleh si mati. Tujuan probet adalah untuk memberi pengiktirafan kepada sesuatu wasiat yang sah di sisi undang-undang.

6

Siapakah yang boleh memohon surat kuasa mentadbir harta pusaka?

Permohonan boleh dibuat oleh pihak yang berikut:

- (a) Waris si mati (benefisiari si mati) seperti balu atau duda, anak lelaki atau anak perempuan, ibu atau bapa, adik-beradik dan sebagainya;
- (b) pemiutang (*creditor*) seperti pemberi pinjam wang, bank, koperasi, dsb.;
- (c) pihak-pihak pembeli (*purchasers*) dan pemegang serah hak, pemegang gadaian dan pajakan yang mempunyai kepentingan dalam harta peninggalan si mati;
- (d) waris-waris, pemegang amanah, Ketua Pengarah Insolvensi, Amanah Raya Berhad, dsb.; dan
- (e) Pihak Berkuasa seperti Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan Baitulmal yang mempunyai kepentingan masing-masing dalam harta pusaka yang berkenaan.

7

Apakah prosedur untuk membuat permohonan probet dan surat kuasa mentadbir?

Prosedur yang perlu diikuti adalah seperti yang berikut:

Bagi harta pusaka dengan wasiat dan harta pusaka yang ditakrifkan sebagai harta pusaka biasa, tindakan hendaklah diambil di Mahkamah Tinggi yang berhampiran dengan alamat tempat tinggal si mati. Mahkamah Tinggi berkuasa untuk mengeluarkan probet. Jika si mati tidak meninggalkan apa-apa wasiat, permohonan untuk surat kuasa mentadbir pusaka tanpa wasiat hendaklah dibuat. Kedua-dua tindakan ini boleh dibuat dengan petisyen dalam contoh borang seperti di Lampiran "B1" dan "B2".

8

Apakah dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan semasa permohonan?

Setiap petisyen untuk probet atau surat kuasa mentadbir harta pusaka mestilah disertakan dengan -

- (a) bukti kematian seperti sijil kematian (*death certificate*) atau permit untuk mengubumikan mayat. Lazimnya dokumen-dokumen seperti ini dikeluarkan oleh pihak hospital dan/ atau pihak polis;
- (b) jika kematian tidak dapat dibuktikan dengan cara biasa, suatu permohonan untuk perintah anggapan kematian (*presumption of death*) hendaklah dibuat di Mahkamah Tinggi terlebih dahulu dan perintah Mahkamah Tinggi itu hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan petisyen untuk probet atau surat kuasa mentadbir pusaka;

- (c) surat wasiat terakhir si mati (dalam hal permohonan probet);
- (d) suatu jadual yang mengandungi butir-butir serta nilai aset dan tanggungan (assets & liabilities) dan senarai waris si mati;
- (e) suatu Sijil Faraid yang diperolehi daripada Mahkamah Syariah (dalam hal orang Islam);
- (f) suatu senarai waris, umur, tali persaudaraan dengan si mati dan alamat masing-masing bagi tujuan mendapat persetujuan untuk melantik pentadbir yang dicadangkan;
- (g) surat persetujuan waris-waris dengan pelantikan seorang waris yang dicadangkan sebagai pentadbir pusaka yang ditandatangani di hadapan seorang Majistret/Pesuruhjaya Sumpah, sebelum tarikh perbicaraan ditetapkan;
- (h) surat penolakan waris-waris yang ingin menolak hak dan bahagian masing-masing kepada surat kuasa mentadbir pusaka bagi harta pusaka tersebut (Borang 169);
- (i) dokumen pelantikan penjaga (*guardian ad litem*) (dalam hal waris-waris di bawah umur atau orang kurang upaya).

Dua (2) orang penjamin yang layak dan sesuai hendaklah dikemukakan sekiranya harta melebihi RM 50,000.00.

Geran (atau kuasa) untuk probet atau mentadbir harta pusaka hanya boleh dikeluarkan setelah semua maklumat yang diperlukan oleh mahkamah telah dikemukakan oleh pempetisyen.

9

Bolehkah mahkamah mengecualikan bon penjamin?

Jika sekiranya pempetisyen mengalami kesulitan untuk mendapatkan penjamin-penjamin yang layak dan sesuai, dia bolehlah memohon kepada mahkamah untuk suatu perintah supaya dia diberi kebenaran dikecualikan daripada mengemukakan penjamin-penjamin (*dispensation of sureties*) atau mendapatkan khidmat penjamin profesional seperti syarikat insurans atau institusi bank dengan bayaran fi yang ditetapkan oleh syarikat/institusi berkenaan berdasarkan jumlah harta pusaka tersebut.

10

Bilakah mahkamah akan mengeluarkan surat kuasa mentadbir berdasarkan probet?

Surat kuasa mentadbir harta pusaka/probet hanya boleh dikeluarkan apabila perintah pengecualian penjamin diperoleh dan bon pentadbiran telah ditandatangani oleh pempetisyen.

11

Di manakah surat kuasa mentadbir harta pusaka/probet perlu didaftarkan?

Setelah surat kuasa mentadbir harta pusaka/probet diperoleh oleh pempetisyen, surat kuasa tersebut hendaklah didaftarkan di pejabat tanah yang berkenaan, agar semua suratan hakmilik tersebut didaftarkan atas nama pempetisyen sebagai pentadbir si mati berkenaan, menurut seksyen 346 Kanun Tanah Negara dan adalah menjadi tanggungjawab pempetisyen untuk memohon kepada mahkamah, sebaik sahaja dia menghasilkan semua aset si mati, suatu perintah pembahagian terhadap harta pusaka itu kepada waris-waris menurut faraid atau menurut terma-terma wasiat si mati atau menurut Akta/Ordinan Wasiat.

12**Apakah prosedur untuk membuat permohonan untuk mentadbir harta pusaka kecil?**

Permohonan untuk mentadbir harta pusaka kecil hanya dibuat di Pejabat Tanah yang nilai jumlah harta tak alih bersama harta alih tidak melebihi RM 2,000,000.00 pada tarikh peninggalan si mati. Permohonan ini dibuat dengan menggunakan Borang A yang boleh didapati di Pejabat Tanah khasnya daripada Unit Pembahagian Pusaka Kecil.

Permohonan harta pusaka kecil seperti di Lampiran "C".

13**Apakah dokumen-dokumen yang perlu disertakan?**

Borang A hendaklah dikemukakan kepada Unit Pembahagian Pusaka Kecil berserta dengan dokumen yang berikut:

- (a) sijil kematian atau permit pengebumian;
- (b) sijil faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah; dan
- (c) salinan hakmilik keluarga dan salinan dokumen-dokumen lain yang menunjukkan pegangan harta tak alih yang sah.

14**Apabila permohonan difailkan, apakah tindakan Unit Pembahagian Pusaka Kecil?**

Apabila permohonan difailkan, unit berkenaan akan menyediakan laporan seperti yang berikut:

- (a) laporan Penghulu di mukim tempat pemohon itu tinggal;

- (b) perakuan daripada Pejabat Tanah tentang nilai harta yang dinyatakan dalam permohonan; dan
- (c) pengesahan daripada Pendaftar Mahkamah Tinggi sama ada permohonan untuk Borang C telah dibuat atau belum bagi mentadbir harta pusaka berkenaan.

15

Apakah yang akan berlaku seterusnya?

- (a) Apabila semua laporan yang disebut terdahulu telah diperolehi, suatu tarikh perbicaraan akan ditetapkan oleh Unit Pembahagian Pusaka Kecil melalui notis perbicaraan yang akan dihantar kepada pemohon dan waris-waris yang berkenaan.
- (b) Semasa perbicaraan dijalankan, Pegawai Tadbir Unit Pembahagian Pusaka Kecil akan memeriksa keterangan daripada pemohon dan juga waris-waris yang berkenaan dan merekodkan keterangan tersebut dan setelah berpuas hati akan membenarkan permohonan yang dipohon itu.
- (c) Perintah pembahagian akan hanya dikeluarkan selepas 14 hari dari tarikh perbicaraan untuk membolehkan mana-mana pihak mengemukakan rayuan, sekiranya terdapat apa-apa yang tidak memuaskan hati mana-mana pihak.
- (d) Selepas tamat tempoh 14 hari dan sekiranya tidak ada apa-apa rayuan yang diterima, perintah pembahagian bolehlah dikeluarkan dengan membayar kepada Pejabat Tanah sejumlah fi yang ditetapkan.
- (e) Setelah perintah tersebut diperolehi, pemohon dikehendaki menyerahkan geran tanah untuk didaftarkan

pembahagian seperti yang dicatatkan dalam perintah pembahagian dan geran tanah berkenaan akan dikembalikan setelah pendaftaran selesai.

Carta Aliran Proses Permohonan Untuk Pentadbiran Dan Pembahagian Harta Pusaka Kecil seperti di Lampiran “D”.

16

Apakah prosedur untuk memohon pentadbiran terus (*summary administration*) di Amanah Raya Berhad?

- (a) Ketua Pegawai Eksekutif dibenarkan mentadbir harta pusaka yang mempunyai harta alih yang tidak melebihi RM 600,000.00 di bawah seksyen 17 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532) tanpa surat kuasa mentadbir daripada Mahkamah Tinggi atau Pejabat Pentadbir Tanah Daerah. Ini dibuat sekiranya tiada apa-apa permohonan dibuat oleh mana-mana pihak yang lain.
- (b) Waris-warisan atau sesiapa yang mempunyai kepentingan dalam harta pusaka si mati yang tidak melebihi RM 600,000.00 dalam bentuk harta alih sahaja boleh memohon kepada Amanah Raya Berhad untuk mentadbir harta pusaka tersebut.
- (c) Waris-warisan hanya diperlukan mengisi dan mengemukakan borang permohonan ini dengan maklumat yang lengkap dan dokumen-dokumen yang membuktikan kematian si mati.
- (d) Sebaik sahaja permohonan ini diterima, Amanah Raya Berhad akan memprosesnya dengan mengeluarkan suatu pengisytiharan bagi mentadbir harta pusaka tersebut.

- (e) Amanah Raya Berhad diberi kuasa untuk menghasilkan aset-aset yang berkenaan bagi tujuan pembahagian.
- (f) Setelah menjelaskan bayaran duti pusaka bagi kes-kes kematian (sebelum 1 November 1991 sahaja), hutang pusaka dan menolak fi bagi Amanah Raya Berhad, baki aset akan dibahagikan menurut faraid (bagi orang Islam), Ordinan Pembahagian (bagi orang bukan Islam) atau secara persetujuan antara waris-waris yang berkenaan.
- (g) Seksyen 17 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 adalah sangat berkesan bagi kes tuntutan kemalangan maut jalan raya di mana waris-waris si mati bercadang untuk mengambil tindakan di bawah seksyen 7 dan 8 Akta Undang-Undang Sivil 1956.

17

Bolehkah Jabatan Bantuan Guaman memberi bantuan untuk membuat permohonan probet atau surat kuasa mentadbir?

Boleh, pemohon yang berkelayakan boleh datang ke cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan dengan membawa dokumen-dokumen yang diperlukan seperti yang dinyatakan di Lampiran "E".

JENIS-JENIS HARTA PUSAKA



Definisi Harta Pusaka Kecil:

Harta alih dan tak alih yang bernilai tidak melebihi RM2,000,000.00 misalnya-

- (1) tanah sahaja < RM2,000,000.00;
- (2) tanah dan rumah < RM2,000,000.00; dan
- (3) tanah dan rumah dengan harta alih seperti motokar, wang tunai, barang kemas < RM2,000,000.00.

Definisi Harta Pusaka Biasa:

- (1) harta alih sahaja < RM600,000.00 misalnya wang simpanan, saham, tunai dan barang-barang kemas;
- (2) harta tak alih misalnya tanah > RM2,000,000.00; dan
- (3) tuntutan kontingensi: Di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956.

LAMPIRAN “B1”

NO. 168
PETISYEN DI BAWAH AKTA PROBET DAN
PENTADBIRAN 1959

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA/BORNEO
DI.....
Probet.....No.....tahun.....

Dalam Harta Pusaka

.....si mati
Kepada Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi

PETISYEN UNTUK PROBET

Petisyen.....
beralamat di.....
..... menunjukkan

1.
yang bermastautin di.....
mati pada.....hari bulan.....
pukul.....pagi/petang berdomisil di.....
mempunyai, pada masa kematiannya, harta yang
berada dalam bidang kuasa Mahkamah ini.

2. Keseluruhan harta pusaka dan harta benda si
mati, boleh alih dan tak boleh alih yang berada dalam
bidang kuasa tidak termasuk apa yang si mati memiliki
atau berhak mendapat sebagai pemegang amanah
bagi mana-mana orang atau orang-orang lain dan
tidak secara benefisial, tetapi tanpa memotong apa-
apa jua yang disebabkan oleh apa-apa hutang yang
kena dibayar atau yang terhutang olehnya, melebihi
sepuluh ribu ringgit nilainya sepanjang pengetahuan,
maklumat dan kepercayaan Pempetisyen.

3. Pempetisyen percaya tulisan atas kertas yang
bersama ini ada diekshibitkan dan salinan benar
yang diperakui yang dilampirkan bersama ini yang
bertanda “A” adalah salinan Wasiat dan Testamen
akhir (berserta Kodisil kepadanya) yang benar dan
asal bagi.....si mati yang tersebut.

4. Pempetisyen ialah wasi tunggal (atau salah seorang daripada wasi-wasi) yang dinamakan dalam Wasiat (..... beralamat di..... wasi yang seorang lagi yang dinamakan dalamnya telah mati pada hari bulan atau pada hari melalui surat cara yang ditandatangani sewajarnya telah menolak probet dan pelaksanaan Wasiat tersebut).

Demikianlah adanya. Pempetisyen memohon bahawa probet bagi Wasiat (dan Kodisil) tersebut bagi..... yang tersebut boleh diberikan kepadanya (kebenaran yang dirizabkan untuk dikehendaki datang dan membuktikannya atau sebagaimana yang berkenaan).

.....
Pendaftar

Alamat untuk penyampaian bagi Pempetisyen ialah
.....
.....

Saya,....., Pempetisyen sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) dan mengatakan bahawa isi kandungan Petisyen yang tersebut di atas adalah sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, dalam segala segi adalah benar.

Diangkat sumpah (atau diikrarkan)
Pada.....hari bulan.....
.....di

Di hadapan saya,

.....
Pesuruhjaya Sumpah

NO. 168
PETISYEN DI BAWAH AKTA PROBET DAN
PENTADBIRAN 1959

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA/BORNEO DI
.....

Kuasa Mentadbir.....No.....tahun.....

Dalam Harta Pusaka

..... si mati
Kepada yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi

PETISYEN UNTUK KUASA MENTADBIR

Petisyen.....

beralamat di

Menunjukkan,

1.
yang bermastautin dimati pada
.....haribulan.....
pukul.....pagi/
petang berdomisil dimempunyai,
pada masa kematiannya, harta yang berada dalam
bidang kuasa Mahkamah ini.

2. Keseluruhan harta pusaka dan harta benda si mati,
boleh alih dan tak boleh alih, yang berada dalam bidang
kuasa tidak termasuk apa yang si mati memiliki atau
berhak mendapat sebagai pemegang amanah bagi
mana-mana orang atau orang-orang lain dan tidak
secara benefisial, tetapi tanpa memotong apa-apa
jua yang disebabkan oleh apa-apa hutang yang kena
dibayar atau yang terhutang oleh si mati, melebihi
sepuluh ribu ringgit nilainya sepanjang pengetahuan,
maklumat dan kepercayaan Pempetisyen.

3. si mati tersebut,
yang telah menjadi warganegara (1)
.....dan seorang (2) telah mati tak
berwasiat (3) dengan meninggalkan
penakat (4).....

4. Pempetisyen ialah (5)

5. beralamat di
..... dan
..... beralamat di
..... mempunyai hak terdahulu daripada
Pempetisyen sebagai (6) dan

.....beralamat di
..... mempunyai hak yang sama dengan Pempetisyen
selaku (6) tetapi dia pada
..... hari bulan telah
menolakkan hak itu.

6.
terdapat kepentingan minoriti (atau seumur hidup)
dalam harta pusaka (7)
.....yang tersebut.

7. (Pempetisyen berhasrat bahawa
.....beralamat
di (8) dilantik
menjadi pentadbir bersama dengannya akan harta
pusaka si mati yang tersebut. Persetujuan secara
bertulis daripada
..... yang tersebut untuk
dilantik sedemikian ada dilampirkan bersama ini).

Demikianlah adanya. Pempetisyen memohon
bahawa Surat Kuasa
Mentadbir bagi Harta Pusaka
dan Harta Benda kepunyaan
.....
Pendaftar yang tersebut oleh.....
diberikan kepadanya sebagai
(9).....

Alamat untuk penyampaian bagi Pempetisyen ialah
.....
.....
.....
.....

Saya,, Pempetisyen
sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) dan
mengatakan bahawa isi kandungan Petisyen yang
tersebut di atas adalah sepanjang pengetahuan dan
kepercayaan saya, dalam segala segi adalah benar.

Di angkat sumpah (atau diikrarkan)
Pada hari bulan
20 di

Di hadapan saya,

.....
Pesuruhjaya Sumpah


LAMPIRAN "C"

KEMATIAN SESEORANG YANG MENINGGALKAN HARTA PUSAKA



LAMPIRAN “D”

CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN UNTUK PENTADBIRAN DAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA KECIL



MAKLUMAT/DOKUMEN YANG PENTING

1. Sijil Kematian/Pengisytiharan Mahkamah.
2. Senarai waris si mati – nama, no. K.P., tali persaudaraan (menurut surat faraid bagi orang Islam) dan alamat.
3. Senarai harta pusaka dan nilainya/jumlahnya –
 - wang tunai, wang simpanan, saham, barang-barang kemas;
 - gaji, pencen, ganjaran, KWSP, insurans nyawa;
 - tuntutan di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956 (seksyen 7 dan 8); dan
 - butir tanah & rumah, kenderaan bermotor (No. Geran, mukim, lot, jenis rumah).
4. Senarai hutang si mati (yang diketahui) –
 - Belanja urusan jenazah, keranda, bayaran kubur, bayaran untuk membakar jenazah dll. (disokong dengan resit).
 - Hutang-piutang sah seperti baki pinjaman kenderaan, sewa beli, jual beli, pinjaman, kes sivil dsb., mana-mana pemiutang.
5. Surat wasiat (jika ada).
6. Surat faraid (bagi orang Islam sahaja)
7. Sijil nikah bagi duda dan balu, sijil kelahiran bagi waris yang tidak layak memohon kad pengenalan.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut:

**IBU PEJABAT
JABATAN BANTUAN GUAMAN
ARAS 1, BANGUNAN HAL EHWAL
UNDANG-UNDANG
PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN
62692 PUTRAJAYA**

NO. TELEFON : 03-88851000

NO. FAKSIMILE: 03-88851829/1830/1831

LAMAN WEB : www.jbg.gov.my

**SMS : Taip JBG MENU dan
hantar ke 15888**

CATATAN:

RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.